

BH 25/11/12 M/S 8

PDRM, JPJ kena pantau kenderaan berat di lebuhraya

? Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) memaklumkan kenderaan berat hanya boleh menggunakan Lebuhraya Lembah Klang Baru (NKVE) selepas jam 9.30 pagi. Namun ketika saya berada di lebuhraya berkeadaan, saya dapati masih ada kenderaan berat menggunakan laluan berkenaan sejak awal pagi sehingga mengganggu perjalanan kenderaan lain untuk ke tempat kerja. Saya berharap pihak LLM dapat mengambil tindakan bagi mengelakkan kejadian tidak diingini.

Rozainah Abdul Razak
Shah Alam, Selangor

! Untuk makluman, perintah larangan kenderaan berat ini berkuat kuasa

“
Larangan kenderaan berat ini berkuat kuasa sejak 2 Ogos 2010 dan diwartakan mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987 perintah pengangkutan jalan (Larangan Penggunaan Jalan Lebuhraya Utara Selatan) 2010”

sejak 2 Ogos 2010 dan diwartakan mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987 perintah pengangkutan jalan (Larangan Penggunaan Jalan Lebuhraya Utara Selatan) 2010. Penguatkuasaan ini juga turut mendapat kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Justeru, bagi membuat pemantauan dan tindakan undang-undang terhadap pemandu kenderaan berat yang melanggar undang-undang, tindakan penguatkuasaan berkenaan adalah di bawah bidang kuasa PDRM dan JPJ.

Syed Fahmi Al Junid
Syed Shahrom
Penolong Pengarah (Perhubungan Awam) Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran LLM



Kenderaan berat **boleh masuk lebuhraya** selepas jam 9.30 pagi.

SURAT KEPADA PENGARANG